

Sudah bersedia untuk peralihan ke fasa endemik?

Astro Awani

31 Mac 2022

Bernama

KUALA LUMPUR: Malaysia bakal memasuki Fasa Peralihan ke Endemik esok (1 April) dengan menyaksikan pembukaan semula sempadan negara.

Setelah dua tahun memerangi pandemik COVID-19, rakyat Malaysia akan kembali kepada gaya hidup normal mereka, walaupun dalam norma baharu dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) seperti memakai pelitup muka.

Dengan peralihan kepada endemik, sekatan yang dikenakan untuk mengekang penularan COVID-19 sebelum ini telah dilonggarkan, membuka jalan kepada pengajuran kebanyakan aktiviti termasuk solat berjemaah yang dijalankan seperti biasa.

Namun, adakah rakyat Malaysia sudah bersedia untuk beralih ke fasa endemik? Pakar kesihatan pekerjaan, kecemasan dan kesihatan awam Dr Hanafiah Bashirun dari Hospital Kasih Cyberjaya berkata terdapat dua kumpulan, iaitu yang masih terganggu dengan ancaman COVID-19 dan satu kumpulan lagi tidak sabar untuk menikmati kebebasan.

Beliau berkata rakyat Malaysia secara umumnya lebih mengutamakan kebebasan dan bersedia menerima fasa baharu dalam kehidupan mereka.

"Pada saya, mentaliti rakyat Malaysia tidak akan berubah. Malah, mereka gembira untuk menerima kebebasan ini daripada terperangkap dengan sekatan (SOP ketat)," katanya kepada Bernama hari ini.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan adalah penting untuk rakyat Malaysia bertanggungjawab dalam mematuhi SOP bagi memastikan kadar jangkitan dihadkan kepada tahap minimum.

Ditanya mengenai kemunculan varian baharu selepas Omicron, Dr Hanafiah berkata terdapat kemungkinan manusia telah membangunkan imuniti kelompok semula jadi terhadap virus itu, ditambah dengan suntikan vaksin sebagai perlindungan tambahan. Katanya, orang ramai tidak perlu terlalu bimbang mengenai varian baharu kerana kerajaan telah merangka pelbagai pelan untuk menangani kemungkinan berlakunya lonjakan kes pada masa hadapan.

"Apabila sudah membenarkan kita berada dalam fasa endemik, kerajaan sebenarnya sudah bersedia untuk berdepan senario lebih buruk. Ini bermakna kerajaan mempunyai rancangan luar jangka," katanya

Pensyarah kanan dan ahli epidemiologi dari Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Madya Dr Malina Osman berkata kriteria utama peralihan kepada fasa endemik ialah keupayaan negara mengendalikan kes.

Dr Malina yang juga pakar kesihatan awam berkata selagi sistem penjagaan kesihatan Malaysia tidak terjejas, ia akan dapat berfungsi secara optimum dalam menangani kes baharu bagi menjaga kesihatan rakyat.

Beliau berkata ia bergantung kepada rakyat sama ada mereka sudah bersedia untuk beralih kepada fasa baharu atau tidak, kerana situasi dalam fasa endemik adalah berbeza secara relatif daripada pandemik, dari segi risiko jangkitan.

"Kerajaan akan membuat beberapa persediaan untuk itu (mengendalikan kes baharu), terutama apabila kita perlu melindungi mereka yang tidak dapat divaksinasi, jadi itu sangat penting," katanya.

Tambahan pula, beliau berpendapat bahawa situasi COVID-19 dalam negara baru-baru ini telah dikawal dengan baik dan tidak akan menjadi seperti dialami ketika gelombang Delta yang menimbulkan banyak masalah.

Semalam, sebanyak 15,941 kes dikesan di negara ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakon pada 8 Mac mengumumkan bahawa negara akan memasuki Fasa Peralihan ke Endemik bermula 1 April menyaksikan negara beralih kepada gaya hidup yang hampir normal selepas dua tahun memerangi COVID-19.

Beliau berkata fasa peralihan hanya sementara sebelum negara boleh memasuki fasa endemik sepenuhnya, tertakluk kepada pengumuman oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

-- BERNAMA

© 2021 Astro AWANI Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.

Source: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sudah-bersedia-untuk-peralihan-ke-fasa-endemik-354551>